

Helaian Pendedahan Produk	Kad Debit Hong Leong
(Baca Helaian Pendedahan Produk ini sebelum anda menetapkan untuk memohon Kad Debit Hong Leong. Pastikan anda juga membaca terma dan syarat am dan Kad Debit)	(Maklumat yang terkandung dalam kertas pendedahan ini adalah sah pada tarikh 1 April 2017)

1. Apakah produk ini?	4. Apakah yuran dan caj yang perlu saya bayar?				
Kad Debit ini adalah suatu instrumen pembayaran yang membolehkan anda membuat bayaran bagi barangan dan perkhidmatan daripada akaun deposit anda di kedai dan perkhidmatan yang turut serta melalui rangkaian VISA, MasterCard atau MEPS. Kad Debit ini juga membolehkan anda membuat pengeluaran wang tunai di Mesin Juruwang Automatik (ATM). Anda dikehendaki mengekalkan akaun deposit dengan kami, yang akan dipautkan kepada Kad Debit anda. Jika anda menutup akaun deposit di Hong Leong Bank (HLB), anda tidak boleh melakukan apa-apa transaksi dengan Kad Debit. Pelanggan hendaklah membaca dan memahami Terma dan Syarat Kad Debit HLB sebelum menandatangani perjanjian dan menggunakan Kad Debit.	Penerangan Fi & Yuran	Fi/Yuran (tidak termasuk GST)	GST (6%)	Fi/Yuran (termasuk GST)	
	2. Apakah yang akan saya perolehi daripada produk ini dan apakah batasan-batasannya? <ul style="list-style-type: none"> Pengeluaran Wang Tunai di ATM Mengeluarkan wang tunai dalam negara dan luar negara daripada lebih 1 juta mesin ATM yang mempamerkan logo MEPS, VISA, PLUS, MasterCard atau Cirrus. Kemudahan Pembayaran Membuat belian di lebih 29 juta peniaga VISA dan MasterCard dalam negara dan luar negara, serta juga peniaga e-debit MEPS. Anda juga boleh membayar bil, memindahkan wang dan membuat belian dalam talian. Penerimaan Visa payWave/PayPass/MCCS Contactless Bayar dengan satu lambaian – cara yang cepat, tanpa sentuh dan mudah untuk membuat pembayaran. Diskaun & Keistimewaan Nikmati diskaun eksklusif apabila menjamu selera, membeli-belah, melancong dan lain-lain lagi di tempat peniaga terpilih hanya menggunakan Kad Debit Hong Leong. Faedah Bonus Akaun Simpanan anda akan mendapat Faedah Bonus dengan setiap penggunaan Kad Debit Hong Leong anda. Anda akan memperolehi Faedah Bonus yang lebih tinggi apabila anda lebih menggunakan Kad Debit. Ini adalah sah jika anda tag Akaun Pembelian Runcit anda kepada:- i) Akaun Pay&Save Hong Leong ii) Akaun One Hong Leong (tanpa overdraf) 	3. Apakah terma dan syarat utama? <ul style="list-style-type: none"> Jumlah pra-kebenaran sebanyak RM 200 akan dicaj ke Akaun Pembelian Runcit yang dipautkan dengan Kad Debit untuk pembayaran yang dibuat pada dispenser bahan api automatik. Jumlah pra-kebenaran akan dikreditkan kembali dan jumlah transaksi sebenar akan dicajkan ke Akaun Pembelian Runcit anda apabila penyelesaian dengan pihak peniaga dalam tempoh tiga (3) hari bekerja. Sebagai alternatif, anda boleh memilih untuk membayar dengan Kad Debit anda di kaunter juruwang untuk mengelakkan pegangan jumlah pra-kebenaran. 	Fi Pengeluaran - Akaun Simpanan Asas/-i /Semasa Asas/-i ("BSA/BCA/-i") - Generic/Junior - Kad Perbankan Prioriti ("PB") - Kad Karakter* (Hello Kitty/Transformers) Fi Tahunan	Tiada Yuran RM8.00 setiap kad Tiada Yuran RM12.00 setiap kad RM8.00 setiap kad (kecuali BSA/ BCA/-i/PB)	Tidak Berkenaan Tidak Berkenaan Tidak Berkenaan Tidak Berkenaan
2. Apakah yang akan saya perolehi daripada produk ini dan apakah batasan-batasannya? <ul style="list-style-type: none"> Pengeluaran Wang Tunai di ATM Mengeluarkan wang tunai dalam negara dan luar negara daripada lebih 1 juta mesin ATM yang mempamerkan logo MEPS, VISA, PLUS, MasterCard atau Cirrus. Kemudahan Pembayaran Membuat belian di lebih 29 juta peniaga VISA dan MasterCard dalam negara dan luar negara, serta juga peniaga e-debit MEPS. Anda juga boleh membayar bil, memindahkan wang dan membuat belian dalam talian. Penerimaan Visa payWave/PayPass/MCCS Contactless Bayar dengan satu lambaian – cara yang cepat, tanpa sentuh dan mudah untuk membuat pembayaran. Diskaun & Keistimewaan Nikmati diskaun eksklusif apabila menjamu selera, membeli-belah, melancong dan lain-lain lagi di tempat peniaga terpilih hanya menggunakan Kad Debit Hong Leong. Faedah Bonus Akaun Simpanan anda akan mendapat Faedah Bonus dengan setiap penggunaan Kad Debit Hong Leong anda. Anda akan memperolehi Faedah Bonus yang lebih tinggi apabila anda lebih menggunakan Kad Debit. Ini adalah sah jika anda tag Akaun Pembelian Runcit anda kepada:- i) Akaun Pay&Save Hong Leong ii) Akaun One Hong Leong (tanpa overdraf) 	Fi Penggantian Kad** PB BSA/BCA/-i Akaun Simpanan/ Semasa selain daripada BSA/BCA/-i	RM9.00 setiap kad RM12.00 setiap kad RM18.00 setiap kad	Tidak Berkenaan Tidak Berkenaan Tidak Berkenaan	RM9.00 setiap kad RM12.00 setiap kad RM18.00 setiap kad	
**Bagi kerosakan Kad ATM/Debit disebabkan kesalahan Pemegang Kad, kehilangan/kecurian, penukaran daripada Kad Debit Generic kepada Kad Debit Karakter atau sebaliknya).					
3. Apakah terma dan syarat utama? <ul style="list-style-type: none"> Jumlah pra-kebenaran sebanyak RM 200 akan dicaj ke Akaun Pembelian Runcit yang dipautkan dengan Kad Debit untuk pembayaran yang dibuat pada dispenser bahan api automatik. Jumlah pra-kebenaran akan dikreditkan kembali dan jumlah transaksi sebenar akan dicajkan ke Akaun Pembelian Runcit anda apabila penyelesaian dengan pihak peniaga dalam tempoh tiga (3) hari bekerja. Sebagai alternatif, anda boleh memilih untuk membayar dengan Kad Debit anda di kaunter juruwang untuk mengelakkan pegangan jumlah pra-kebenaran. 	Pengeluaran Wang Tunai di ATM: Dalam Negara ATM Bank ATM Bank Lain Luar Negara Melalui Rangkaian ATM MEPS (Indonesia, Singapura, Thailand, Vietnam dan Korea) Melalui VISA PLUS/ MasterCard Cirrus	Tiada Yuran RM1.00 setiap transaksi RM8.00 setiap transaksi RM12.00 setiap transaksi	Tidak Berkenaan RM0.06 setiap transaksi RM0.48 setiap transaksi RM0.72 setiap transaksi	Tiada Yuran RM1.06 setiap transaksi RM8.48 setiap transaksi RM12.72 setiap transaksi	
3. Apakah terma dan syarat utama? <ul style="list-style-type: none"> Jumlah pra-kebenaran sebanyak RM 200 akan dicaj ke Akaun Pembelian Runcit yang dipautkan dengan Kad Debit untuk pembayaran yang dibuat pada dispenser bahan api automatik. Jumlah pra-kebenaran akan dikreditkan kembali dan jumlah transaksi sebenar akan dicajkan ke Akaun Pembelian Runcit anda apabila penyelesaian dengan pihak peniaga dalam tempoh tiga (3) hari bekerja. Sebagai alternatif, anda boleh memilih untuk membayar dengan Kad Debit anda di kaunter juruwang untuk mengelakkan pegangan jumlah pra-kebenaran. 	Penyata Bulanan Kad Debit (Penyata bercetak) – Ciri pilihan untuk Pemegang Kad VISA Penyata Bercetak berdasarkan Permintaan Nota: RM2.12 akan dicaj untuk setiap halaman jika kenyataan kurang dari setahun atau RM5.30 setiap halaman jika kenyataan lebih dari satu tahun	RM2.00 sebulan RM10.00 setiap permintaan	RM0.12 sebulan RM0.60 setiap permintaan	RM2.12 sebulan RM10.60 setiap permintaan	
3. Apakah terma dan syarat utama? <ul style="list-style-type: none"> Jumlah pra-kebenaran sebanyak RM 200 akan dicaj ke Akaun Pembelian Runcit yang dipautkan dengan Kad Debit untuk pembayaran yang dibuat pada dispenser bahan api automatik. Jumlah pra-kebenaran akan dikreditkan kembali dan jumlah transaksi sebenar akan dicajkan ke Akaun Pembelian Runcit anda apabila penyelesaian dengan pihak peniaga dalam tempoh tiga (3) hari bekerja. Sebagai alternatif, anda boleh memilih untuk membayar dengan Kad Debit anda di kaunter juruwang untuk mengelakkan pegangan jumlah pra-kebenaran. 	Fi Dapatan Semula Draf Jualan	RM20.00	RM1.20	RM21.20	
3. Apakah terma dan syarat utama? <ul style="list-style-type: none"> Jumlah pra-kebenaran sebanyak RM 200 akan dicaj ke Akaun Pembelian Runcit yang dipautkan dengan Kad Debit untuk pembayaran yang dibuat pada dispenser bahan api automatik. Jumlah pra-kebenaran akan dikreditkan kembali dan jumlah transaksi sebenar akan dicajkan ke Akaun Pembelian Runcit anda apabila penyelesaian dengan pihak peniaga dalam tempoh tiga (3) hari bekerja. Sebagai alternatif, anda boleh memilih untuk membayar dengan Kad Debit anda di kaunter juruwang untuk mengelakkan pegangan jumlah pra-kebenaran. 	Transaksi Luar Negara	Transaksi dalam mata wang asing akan ditukarkan pada kadar pertukaran asing dan penyebaran, jika ada, sebagaimana yang telah ditentukan oleh Visa/MasterCard International, ditambah 1% kadar tambahan yang dikenakan oleh Bank	Tidak berkenaan	Transaksi dalam mata wang asing akan ditukarkan pada kadar pertukaran asing dan penyebaran, jika ada, sebagaimana yang telah ditentukan oleh Visa/MasterCard International, ditambah 1% kadar tambahan yang dikenakan oleh Bank	

5. Bagaimana jika saya gagal menunaikan tanggungjawab saya?

Anda mestilah mengambil langkah berjaga-jaga yang munasabah untuk mencegah kehilangan Kad Debit. Anda akan bertanggungjawab untuk transaksi PIN tanpa izin jika anda:

- i) Melakukan penipuan;
- ii) Lewat untuk memberitahu HLB secepat mungkin selepas mengetahui kehilangan atau penggunaan tanpa izin Kad Debit anda;
- iii) Mendedahkan PIN anda kepada orang lain secara sukarela; atau
- iv) Merekodkan PIN anda pada Kad Debit, atau pada apa-apa benda yang disimpan berdekatan Kad Debit anda.

Anda akan bertanggungjawab untuk transaksi tanpa izin yang memerlukan pengesahan tandatangan atau dengan kad tanpa sentuhan, jika anda:

- i) Melakukan penipuan;
- ii) Lewat untuk memberitahu HLB secepat mungkin selepas mengetahui kehilangan atau penggunaan tanpa izin Kad Debit anda;
- iii) Meninggal Kad Debit anda atau benda yang mengandungi Kad Debit anda tanpa pengawasan di tempat yang boleh dilihat dan diakses oleh orang lain; atau
- iv) Membenarkan orang lain untuk menggunakan Kad Debit anda secara sukarela.

Anda bertanggungjawab sepenuhnya atas segala transaksi ATM tanpa izin.

6. Apakah risiko utama?

Jangan gunakan PIN/kata laluan yang dipilih dari tarikh lahir, kad pengenalan, pasport, lesen memandu atau nombor telefon anda untuk mengurangkan penggunaan tanpa izin Kad Debit anda jika Kad Debit anda hilang/dicuri.

Kad Debit anda hilang/dicuri. Anda hendaklah serta-merta memberitahu HLB di **03-7626 8899** atau Perbankan Prioriti talian bebas tol di **1800-18-9000** untuk menyekat penggunaan Kad Debit anda sebaik sahaja mengetahui Kad Debit anda hilang atau dicuri atau transaksi tanpa izin telah dilakukan atau PIN telah dikompromi.

Anda mesti memaklumkan HLB sebaik sahaja menerima amaran transaksi SMS jika transaksi tidak diizinkan.

7. Apakah yang perlu saya lakukan jika butir-butir perhubungan saya berubah?

Untuk memastikan segala surat-menyurat sampai ke tangan anda tepat pada waktunya, anda dikehendaki memberitahu kami jika terdapat apa-apa perubahan butir-butir perhubungan dan/atau peribadi. Ini boleh dilakukan dengan kunjungi mana-mana cawangan kami atau hubungi Pusat Hubungan Hong Leong kami di **03-7626 8899** atau Perbankan Prioriti talian bebas tol di **1800-18-9000** untuk mengemaskinikan butir-butir perhubungan dan/atau peribadi anda.

8. Di manakah saya boleh mendapat maklumat lanjut?

Jika anda mempunyai sebarang pertanyaan, sila hubungi kami di:
Hong Leong Debit Cards
 P.O.Box 12372
 50776 Kuala Lumpur Malaysia

Pusat Hubungan Hong Leong/Perbankan Telefon Layan Diri
 03-7626 8899 atau Perbankan Prioriti talian bebas tol di **1800-18-9000**
(Para Pegawai Perhubungan Pelanggan sedia berkhidmat dari 7.00 pagi hingga 12.00 pagi setiap hari manakala Perbankan Telefon Layan Diri terbuka sepanjang masa)

Laman Web: www.hlb.com.my
 Atau kunjungi mana-mana cawangan HLB di seluruh negara

9. Fungsi Transaksi Tanpa Sentuh

- **Had Transaksi Tanpa Sentuh**
 Had transaksi tanpa sentuh anda adalah RM250. Anda tidak perlu memasukkan PIN apabila kad anda disentuh atau diimbaskan pada pembaca tanpa sentuh sekiranya transaksi anda tidak melebihi RM250. Sekiranya transaksi adalah melebihi RM250, anda masih boleh membayar dengan menggunakan Kad Debit tetapi perlu disertakan dengan PIN.
- **Had Kumulatif Tanpa Sentuh**
 Untuk keselamatan tambahan, apabila anda membuat transaksi berjumlah RM400 secara kumulatif, anda akan diminta untuk melakukan transaksi sentuh beserta PIN untuk meresetkan had tanpa sentuh. Had kumulatif tanpa sentuh anda akan diresetkan semula kepada kosong sebaik sahaja PIN dimasukkan.
- **Menetapkan had anda**
 Anda boleh menetapkan had transaksi tanpa sentuh dan had kumulatif tanpa sentuh anda dari RM0 – RM400 dengan melawat mana-mana cawangan HLB/HLISB. Sekiranya anda tidak menetapkan had transaksi tanpa sentuh dan had kumulatif tanpa sentuh, had ini akan ditentu dengan berdasarkan had pembelian runcit yang telah anda tetapkan. Contoh:

Had Pembelian Runcit	Had Transaksi Default Tanpa Sentuh	Had Kumulatif Default
RM100	RM100	RM100
RM300	RM250	RM300
RM500	RM250	RM400

Panduan Keselamatan Pemegang Kad Debit PIN & BAYAR

Anda, dan mana-mana pemegang kad tambahan, dikehendaki mengambil semua langkah yang sewajarnya untuk mencegah kad dan nombor Kad Debit, PIN, kata laluan atau sebarang butiran keselamatan lain untuk kad atau akaun (“butiran keselamatan kad”) daripada disalahgunakan atau digunakan untuk melakukan penipuan atau fraud. Langkah-langkah pencegahan ini merangkumi:

- tandatangan pada Kad Debit apabila ia diterima dan patuhi sebarang arahan keselamatan;
- lindungi Kad Debit, PIN, dan sebarang butiran keselamatan Kad Debit;
- jangan benarkan sesiapa mengambil atau menggunakan Kad Debit;
- musnahkan sebarang maklumat PIN dan sebarang butiran keselamatan Kad Debit;
- jangan tulis nombor PIN atau butiran keselamatan kad atau mendedahkannya kepada sesiapa termasuk pihak polis dan/atau kakitangan Hong Leong Bank/Hong Leong Islamic Bank;
- jangan benarkan sesiapa melihat PIN anda semasa anda memasukkannya atau ia dipaparkan;
- jangan mengubahsuai Kad Debit;
- semak dengan kerap bahawa Kad Debit masih ditangan anda;
- simpan resit Kad Debit dengan selamat dan lupuskan dengan cermat;
- hubungi kami jika ada sebarang perkara yang mencurigakan atau masalah mengenai penggunaan Kad Debit di terminal; dan
- semak penyata anda dengan kerap dan laporkan mengenai sebarang aktiviti yang mencurigakan dengan segera.

Anda dikehendaki memaklumkan kepada kami dengan segera jika:

- Kad Debit anda hilang atau dicuri; atau
- PIN anda telah terdedah / dikompromi; atau
- Kad Debit anda ditahan oleh ATM; atau
- alamat atau maklumat perhubungan anda telah bertukar.

Ada dikehendaki memilih atau menukar PIN anda kepada nombor yang dipilih oleh anda, sebelum PIN boleh digunakan untuk sebarang urusaniaga. Pilihan PIN anda mestilah angka yang boleh mengurangkan kemungkinan ia dapat diteka oleh orang lain. Anda perlu mengelakkan PIN yang tidak sesuai seperti:

- tarikh lahir, bulan atau tahun dalam sebarang bentuk atau kombinasi;
- nombor berturutan (seperti 345678) dan gabungan nombor yang mudah dikenali (seperti 111111);
- sebarang kumpulan nombor yang dicetak di atas Kad Debit anda;
- lain-lain nombor peribadi yang mudah diperolehi seperti sebahagian daripada nombor telefon peribadi, nombor kad pengenalan atau lain-lain data peribadi.

Pra-Kebenaran Kad di Pam Layan Diri Stesen Minyak

Apakah yang berlaku apabila saya menggunakan Kad Debit di pam layan diri?

Apabila anda menggunakan Kad Debit anda di pengisi minyak automatik dalam stesen minyak, pam layan diri tersebut akan membenarkan transaksi pembelian minyak dengan menghantar amaun pra-kebenaran ke atas kad yang membayar kepada pengeluar kad tersebut.

Apakah maksud pra-kebenaran?

Pra-kebenaran adalah pegangan sementara sejumlah amaun spesifik daripada baki tersedia yang terdapat pada kad yang membayar. Ia digunakan sebagai pengesahan bahawa kad adalah aktif dan memiliki dana tersedia yang mencukupi sebelum minyak boleh diisi.

Berapakah amaun pra-kebenaran atas Kad Debit saya apabila menggunakan pam layan diri?

Oleh kerana pra-kebenaran perlu berlaku sebelum minyak diisi, jumlah sebenar minyak yang diisi tidak diketahui semasa pra-kebenaran dibuat. Amaun pra-kebenaran yang dipersetujui untuk pam layan diri di Malaysia adalah RM200.

Apakah yang berlaku jika minyak yang diisi kurang daripada amaun pra-kebenaran?

Amaun pra-kebenaran bukan caj, dan tiada dana yang didebit daripada akaun Kad Debit, tetapi baki tersedia atas Kad Debit dikurangkan buat sementara dengan amaun pra-kebenaran tersebut. Apabila anda telah selesai mengepam minyak, amaun sebenar untuk petrol yang dipam akan dihantar kepada pihak Bank anda. Pada masa ini, amaun sebenar akan didebitkan dari akaun Kad Debit, dan amaun pra-kebenaran akan dilepaskan. Bagaimanapun, ia mungkin mengambil masa penyelesaian selama 3–4 hari perniagaan selepas minyak diisi dan pra-kebenaran diberikan.

Bagaimanakah jika dana tersedia saya kurang dari RM200 atau jika saya mahu mengelakkan pegangan dana sebanyak RM200 atas kad saya?

Pelanggan yang mahu mengelakkan pra-kebenaran di pam layan diri dinasihatkan agar pergi ke kaunter juruwang di mana amaun belian sebenar akan ditolak daripada akaun pemegang kad.

Kad Debit dengan Ciri Tanpa-Sentuh

Kad tanpa-sentuh adalah cara mudah dan pantas untuk membayar dan membolehkan anda membuat pembelian harian hanya dengan menyentuhkan Kad Debit tanpa-sentuh anda apabila anda melihat simbol universal tanpa-sentuh ini

Bagaimana kad tanpa-sentuh saya berfungsi?

Fungsi tanpa-sentuh merangkumi cip komputer terbenam dengan antena yang menghantar isyarat tanpa wayar dalam jarak dekat tanpa sentuh di antara terminal saudagar dan kad tanpa-sentuh. Untuk membuat pembayaran, anda hanya perlu menyentuh Kad Debit anda dengan ruang tanpa-sentuh kepada terminal pembaca apabila diarahkan.

Ciri-ciri Keselamatan**Kad Debit sentiasa di tangan anda**

Langkah keselamatan paling mudah untuk Kad Debit tanpa-sentuh adalah ia mestilah sentiasa di tangan anda. Jadi, orang lain tidak berpeluang untuk melakukan leretan berganda atau membuat salinan Kad Debit semasa anda tidak melihat.

Cip selamat untuk menghalang pemalsuan

Kad Debit tanpa-sentuh adalah selamat sama seperti Kad Debit dikuasakan-cip yang lain dan memiliki tahap keselamatan pelbagai peringkat untuk menghalang pemalsuan. Setiap transaksi tanpa-sentuh merangkumi kod unik yang dijana oleh cip yang terdapat di dalam Kad Debit, yang berubah dengan setiap pembelian, sekali gus menghalang penipu daripada memainkan semula maklumat yang dibaca daripada cip untuk membuat pembayaran.

Pengesahan pelanggan untuk pembelian bernilai lebih tinggi

Anda tidak perlu menandatangani atau memasukkan PIN untuk transaksi tanpa-sentuh yang berjumlah sehingga RM250 di Malaysia.

Tiada Liabiliti Pemegang Kad untuk Pembelian Tanpa-Sentuh

Seandainya berlaku penipuan, anda tidak akan dipertanggungjawabkan untuk caj yang dibuat secara penipuan tersebut atau pembelian tanpa kebenaran yang dibuat menggunakan ciri tanpa-sentuh pada cip Kad Debit anda. Anda hendaklah memaklumkan kepada kami dengan segera atau sebaik sahaja menyedari atau mengesyaki terdapat penggunaan tanpa kebenaran atau aktiviti yang mencurigakan. Bagaimanapun, anda akan dipertanggungjawabkan ke atas pembelian tanpa kebenaran jika anda cuai semasa melindungi Kad Debit atau PIN anda.

Soalan Lazim**Bolehkah saya membuat pembayaran tanpa disedari apabila saya melintasi terminal pembaca tanpa-sentuh?**

Kad Debit tanpa-sentuh anda hanya boleh digunakan apabila Kad Debit berada dalam jarak 4sm daripada pembaca Kad Debit. Bukan itu sahaja, terminal pembaca perlu dipersediakan oleh juruwang dan ia hanya akan berlaku apabila juruwang memulakan urusan transaksi di terminal untuk menerima bayaran. Jika terminal pembaca tanpa-sentuh tidak memproses sebarang transaksi, ia tidak akan membaca sebarang kad tanpa-sentuh yang berada berhampiran dengannya secara tidak sengaja.

Apakah yang berlaku jika saya menyentuh Kad Debit saya dua kali pada terminal pembaca tanpa-sentuh?

Terminal pembaca tanpa-sentuh hanya boleh memproses satu transaksi pada satu masa. Walaupun Kad Debit tanpa-sentuh telah tersentuh dua kali, anda hanya akan dibil sekali sahaja untuk transaksi tersebut.

Apakah yang berlaku jika saya memiliki lebih daripada satu Kad Debit tanpa-sentuh di dalam dompet dan saya menyentuh dompet saya pada terminal pembaca tanpa-sentuh?

Jika anda memegang Kad Debit anda di hadapan terminal pembaca tanpa-sentuh dan anda mempunyai satu atau lebih kad lain dengan ciri tanpa-sentuh, pembaca kad mungkin akan mengesan lebih daripada satu kad dan tidak akan melengkapkan pembayaran. Anda perlu melakukan transaksi tersebut sekali lagi. Anda seharusnya memastikan anda hanya memegang satu kad pada terminal pembaca dan sentiasa membawanya ke luar daripada dompet apabila mahu digunakan.

Apakah yang berlaku jika penipu membaca Kad Debit saya dengan meletakkan terminal pembaca tanpa-sentuh berhampiran dompet saya?

Dalam situasi yang tidak mungkin berlaku di mana butiran peribadi Kad Debit tanpa-sentuh dapat dibaca oleh penipu menggunakan terminal pembaca tanpa-sentuh yang berhampiran dengan poket atau dompet anda, ciri keselamatan telah tersedia untuk mencegah penggunaan tanpa kebenaran butiran keselamatan kad yang telah dicuri. Setiap transaksi tanpa-sentuh merangkumi kod unik yang berubah dengan setiap pembelian, ia hanya boleh digunakan sekali sahaja dan hanya boleh dijana oleh cip di dalam Kad Debit tanpa-sentuh yang asal, dan ia mencegah Kad Debit palsu daripada dihasilkan menggunakan butiran keselamatan kad yang dicuri.

Bolehkah penipu mencuri Kad Debit saya dan menggunakannya untuk mengosongkan akaun bank saya?

Langkah keselamatan telah tersedia untuk menghalang penggunaan Kad Debit tanpa-sentuh yang hilang atau dicuri oleh mana-mana penipu. Terdapat had transaksi tanpa-sentuh yang rendah sebanyak RM250, jika melebihinya, transaksi tidak boleh dibenarkan tanpa pengesahan pemegang kad-pengesahan PIN atau tandatangan.

Transaksi akan dianalisa oleh pengeluar kad dan rangkaian pembayaran global dalam masa-sebenar untuk mengenal pasti corak penipuan dan mengesan transaksi yang mencurigakan.

